

**LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**TK 5 DG 52 (P&P)
BIL. 1 / 2008**

TUGASAN INDIVIDU

No. Soalan 1

“ Bilik darjah dapat dijadikan sebagai suatu tempat belajar yang menarik, membangunkan minat dan potensi belajar bergantung juga pada keadaan dan iklim bilik darjah yang menunjukkan adanya aspek keceriaan.”

Abdullah Sani Yahaya

Mengurus Sekolah 2003

m/s 40

Sebagai pendidik, bincangkan sejauh manakah anda dapat melaksanakan perancangan pengurusan bilik darjah yang dinamik untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

1.0 PENGENALAN

Misi Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia agar generasi yang dilahirkan nanti mampu bersaing dengan persaingan sengit era globalisasi. Bagi merealisasikan misi tersebut guru memainkan peranan utama sebagai pelaksana di peringkat sekolah. Dalam pelaksanaan di peringkat sekolah aspek pengurusan bilik darjah merupakan salah satu elemen yang utama. Bilik darjah yang diurus dengan cemerlang dan berkesan mampu melahirkan insan-insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang dan boleh bersaing dalam era globalisasi sebagai *global players* .

Bilik darjah merupakan sebuah organisasi kecil dalam sebuah sekolah. Oleh itu pengurusan bilik darjah yang baik akan dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk belajar dan dapat menyelesaikan banyak masalah disiplin di sekolah. Pelajar-pelajar di sekolah kebiasaannya mempunyai tingkah laku yang aktif dan cepat bosan dengan persekitaran yang pasif dan statik. Gaya pengajaran guru yang membosankan dan disiplin sekolah yang menyekat banyak aktiviti mereka. Ini menyebabkan pelajar melakukan berbagai masalah disiplin seperti ponteng kelas, tidur , tidak menyiapkan kerja sekolah, bertindak ganas, tidak menumpukan perhatian terhadap pelajaran yang diajar, suka membantah, menunjuk-nunjuk dan melawan guru. Dalam perbincangan ini saya akan mengemukakan perancangan bagaimana sebuah bilik darjah yang dinamik yang diurus dengan baik mampu mengubah tingkah laku dan potensi pelajar kepada lebih baik dan seterusnya muncul sebagai pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang

Guru pula merupakan insan yang bertanggungjawab mengurus ,merancang dan melaksanakan proses P & P yang menarik dan menyeronokkan untuk merangsang pelajar untuk belajar sehingga mencapai objektif yang diharapkan. Tugas ini hanya

dapat dilaksanakan oleh guru-guru berkualiti yang mempunyai personaliti dan watak guru sejati serta mempunyai integriti semasa menjalankan tugasnya.

1.1 Definisi Konsep

Bilik darjah adalah merupakan tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran dan perkataan dinamik pula membawa maksud bertenaga atau daya fizikal yang mampu menggerakkan sesuatu. Oleh itu sebuah bilik darjah yang dinamik boleh ditakrifkan sebagai bilik darjah yang bertenaga dan mampu menggerakkan organisasinya untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) secara formal dengan penuh minat, memberangsangkan, aktif dan mencapai objektif. Perkataan pendidik adalah dirujuk sebagai orang yang menjaga, memelihara, membimbing dan mengajar perkara baik-baik. Dalam konteks bilik darjah, pendidik ialah guru yang mengajar di dalam bilik darjah. Pengurusan pula ialah melibatkan penggubalan dan perancangan, melaksanakan perancangan dan bekerjasama secara berkesan dengan orang lain untuk melakukan perkara yang betul sehingga mencapai matlamat (PPK, 2001). Oleh itu pengurusan bilik darjah yang dinamik merupakan satu proses untuk melaksanakan perancangan P & P yang aktif, memberangsangkan, menyeronokkan dan menarik minat pelajar untuk belajar sehingga mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera.

1.2 Model Bilik Darjah yang Dinamik


Daripada definisi di atas dan dengan mengambil kira isu-isu semasa dan wawasan negara, saya telah membuat satu hubungkait antara elemen-elemen yang terlibat dan strategi pengurusan bilik darjah dalam satu model konsep bilik darjah yang dinamik yang saya namakan "MODEL BILIK DARJAH PENJANA" seperti pada

Rajah 1. Model Konsep bilik darjah dinamik di mana organisasinya dianggotai oleh pelajar-pelajar dan guru. Di dalam bilik darjah ini pelajar-pelajar akan diajar dan di bimbing oleh guru menjayakan proses P & P supaya hasilnya mencapai tahap piawai yang dikehendaki oleh Petunjuk Prestasi. Konsep bilik darjah ini dinamakan "MODEL BILIK DARJAH PENJANA" kerana bilik darjah ini saya anggap sebagai satu janakuasa yang berupaya menjanakan pelajar yang akan menjadi insan cemerlang minda kelas pertama.

Kebiasaannya pelajar yang berada dalam sesuatu kelas itu mempunyai tingkah laku dan masalah disiplin yang berbeza. Pelajar ini akan menjalani proses P & P yang terancang yang berpusatkan pelajar. P & P berlaku dalam suasana aktif dan seronok sehingga mencapai satu piawai yang menunjukkan P & P berkesan. Pelajar yang memenuhi piawai Petunjuk Prestasi ini merupakan modal insan yang dihasilkan oleh kelas tersebut khususnya dan dari sekolah tersebut amnya seterusnya sistem pendidikan negara bagi memenuhi aspirasi dalam wawasan negara Malaysia. Dalam penulisan ini saya akan membincangkan apakah elemen yang perlu diambil kira dalam mengurus sebuah bilik darjah yang dinamik supaya P & P yang dilaksanakan lebih meningkat keberkesanannya.

Bilik darjah yang mempunyai ciri dinamik tidak banyak dijumpai walaupun di sekolah saya sendiri iaitu SM. Teknik Pengkalan Chepa yang mempunyai pelajar seramai 1020 orang. Saya dapati masih ramai guru di sekolah ini yang masih menggunakan kaedah konvensional (chalk and talk) semasa P & P. Pada pendapat saya jika semua guru di sekolah ini menggunakan konsep model 'BILIK DAJAH PENJANA' dalam pengurusan bilik darjah masing-masing, saya yakin, Insyallah pelajar yang dihasilkan akan meningkat dari segi kecemerlangan, ketrampilan, kemahiran dan berperibadi mulia.

MODEL BILIK DARJAH PENJANA



Rajah 1

2.0 PENGURUSAN BILIK DARJAH YANG DINAMIK

2.1 ORGANISASI BILIK DARJAH YANG DINAMIK

Organisasi Bilik darjah terdiri dari guru dan pelajar-pelajar yang bersama-sama menjayakan semua proses berkaitan P & P yang berlaku dalam bilik darjah tersebut:

2.1.1 Guru

Faktor guru boleh dilihat dari beberapa sudut antaranya:

- a) Penampilan guru
- b) Profesionalisme seorang guru

a) Penampilan guru.

Sesuai bilik darjah itu boleh bertenaga jika guru yang mengajar mempunyai kualiti peribadi dan sahsiah diri yang menarik, kemas dan disenangi oleh pelajar. Semasa mengajar mata pelajaran kepakaran iaitu Sains, saya seboleh-bolehnya memasuki kelas dengan wajah yang tersenyum, riang, sentiasa bersangka baik dengan pelajar dan yang paling penting saya ada keyakinan diri. Saya berpakaian kemas dan bersikap profesional supaya boleh menarik minat pelajar dan seterusnya meningkatkan keyakinan pelajar untuk belajar dalam mata pelajaran Sains. Pada pemerhatian saya pelajar sentiasa memerhatikan pakaian dan personaliti guru, ini menyebabkan setengah daripada guru diberi gelaran berdasarkan pakaian mereka seperti *Cikgu Datin*, *Teacher Comel*, *Cikgu Macho* dan sebagainya. Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menunjukkan penampilan diri, pertuturan dan perbuatan yang terbaik sepanjang masa. Oleh itu saya telah meluangkan masa untuk memberi motivasi semasa dalam perhimpunan dan Majlis Orientasi Semula Pelajar Tingkatan 5 supaya saya dapat menyampaikan mesej yang terbaik kepada pelajar-pelajar. Selain itu saya sentiasa menampilkan diri sebagai seorang yang dinamik, maju, berdaya saing dan sentiasa terdorong untuk melakukan kebaikan sesuai dengan Prinsip Etika Kerja Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu '*Guru mesti mempunyai perlakuan yang baik*

dan Penggerak ke arah kebaikan'. Yaakub Isa (1994) menyatakan '*Guru yang berkualiti ialah guru yang dapat dijadikan contoh atau model, serta mempunyai sifat yang boleh dijadikan teladan dan akan melaksanakan sifat-sifat yang termaktub dalam profesion perguruan*'. Saya cuba mendapatkan perhatian pelajar dengan sentiasa menampilkan diri sebagai seorang guru yang berkualiti dengan mewujudkan satu suasana pembelajaran yang aktif. Saya sentiasa mengemukakan idea-idea baru, menggunakan pendekatan terbaru, bersikap positif dan menghidupkan suasana kelas dengan jenaka supaya pelajar suka untuk belajar dalam kelas saya. Sikap membuang masa dan berbual di kantin mesti dielakkan kerana bagi saya, jika kita memberi nasihat kepada pelajar tentang '*Masa itu emas*' maka saya mesti mengamalkan budaya menjaga masa dengan melakukan kerja berfaedah dan membuat persediaan mengajar di makmal sains. Pendekatan ini telah menarik beberapa orang pelajar Tingkatan 5 yang menghadapi masalah dalam pembelajaran datang berjumpa saya untuk mendapatkan nasihat dan motivasi. Setelah berjumpa beberapa kali pelajar ini didapati telah berubah dan menjadi lebih bermotivasi dan mempunyai keyakinan untuk belajar. Setakat ini dengan kesungguhan dan penampilan yang positif ini juga saya telah berjaya mendidik dan menghasilkan beberapa orang personaliti yang unggul dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Antaranya ialah Najmil Faiz bin Mohamed Aris (SPM 1997) dan yang telah muncul sebagai pelajar Malaysia dan Asia Tenggara pertama yang membentangkan kajiannya tentang '*Proses Mikro dan Kejuruteraan Nano*' di Parlimen United Kingdom pada 14 Mac 2005, dan Mohd Ridwan B. Sikh Omar (SPM 1998) seorang jurutera yang telah memenangi pingat gangsa di International Exhibition of Invention, Geneva 2005 dengan robot ciptaannya '*Survival Robot*'.

Selain itu saya telah menjadikan makmal sains sebagai sumber maklumat dengan mengadakan '*Science Library*'. Pelajar akan datang ke makmal untuk meminjam buku

dan dengan cara ini saya dapat mengenali lebih ramai pelajar dan dapat mengetahui masalah mereka. Saya yakin kesempatan berjumpa dan mendekati pelajar ini membolehkan saya mengubah tingkah laku mereka supaya menjadi lebih berdisiplin dan bermotivasi untuk belajar dan akhirnya wujud sebagai insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kajian oleh Anderson dan Brewers (1946) mengkategorikan tingkah laku guru kepada dua jenis iaitu jenis integratif dan dominatif (Khairul Azam, 2007). Antara ciri integratif ialah :

- i. Sentiasa bersetuju dengan cadangan murid
- ii. Menerima perbezaan pendapat murid
- iii. Memandu murid melengkapkan jawapan yang kurang sempurna
- iv. Mengambil bahagian bersama murid dalam aktiviti bilik darjah
- v. Bersimpati dengan masalah murid
- vi. Memberi kebenaran dan menggalakkan murid mencuba

Manakala ciri-ciri dominatif adalah yang bertentangan dengan ciri integratif.

Hasil kajian mereka mendapati pelajar yang dilatih oleh guru yang mempunyai ciri integratif menunjukkan perkembangan positif dan prestasinya akan meningkat. Oleh itu saya memilih tingkah laku berciri integratif di mana saya akan menunjukkan sikap yang lebih terbuka dan mesra untuk menerima pendapat daripada pelajar. Implikasinya pelajar yang diajar akan lebih berani , lebih berkeyakinan diri dan berminat untuk belajar dan saya tidak menghadapi masalah dengan pelajar yang tidur semasa mengajar kecuali pelajar yang benar-benar sakit.

b) **Professionalisme seorang guru**

Sebagai seorang guru yang merupakan Jurulatih Utama Sains negeri, saya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembacaan jurnal dan majalah berunsurkan ilmiah seperti Majalah Kosmik, Majalah Pendidik serta buku-

buku Ensiklopedia Sains bagi memenuhi matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu melahirkan insan yang berilmu. Ini juga selari dengan ungkapan mengatakan ‘*The teacher is the expert – learning flows from him*’. Sikap berpuas hati dengan pengetahuan pedagogi yang sedia ada belum mencukupi untuk memenuhi ciri-ciri guru yang berwibawa dan menjadi inspirasi kepada pelajar. Oleh itu saya telah menghadiri seminar pendidikan, kursus-kursus peningkatan pedagogi dan kursus pengendalian komputer bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran selari dengan dasar Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu ‘*untuk membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi.*’ (Teras Kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan).

Saya mengamalkan 3 P dalam aspek profesionalisme iaitu P pertama untuk Pengetahuan, P kedua untuk Proaktif dan P ketiga untuk Produktiviti. Dengan cara ini saya dapat menguasai ilmu, sentiasa berada di hadapan dan meneroka perubahan. Pelajar-pelajar saya diajar membuat kajian-kajian ringkas dan penerokaan melalui aktiviti seperti ‘*Program Cerdas-Minda*’ di mana kumpulan pelajar diminta mencari jawapan untuk soalan Kuiz. Kumpulan yang paling cepat mendapatkan jawapan akan dikira pemenang dan akan diberikan hadiah. Ini dapat melatih pelajar-pelajar berdisiplin, bekerjasama, bersikap jujur, kerja sepasukan dan semangat bersaing secara sihat bagi melahirkan modal insan yang mempunyai jati diri selari dengan hasrat negara masa ini. Saya juga telah menjalankan program “*Cakna Pelajar*” di mana guru-guru Sains mendekati pelajar dan memberikan bimbingan dan motivasi secara personal. Melalui program ini hampir 70 % pelajar dari 4 kelas yang saya ajar menunjukkan peribadi yang cemerlang. Ini merupakan kejayaan bagi saya dan juga panitia Sains.

Sebagai Jurulatih Utama ETeMS (English in Teaching Mathematics and Science) saya menggunakan sepenuhnya kemahiran menulis dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan mewujudkan '*English Zone*' di kawasan makmal sains. Zon ini juga mempunyai papan kenyataan yang dipenuhi dengan artikel Sains dalam Bahasa Inggeris, hasil kerja pelajar seperti '*Mind-maps*' dan '*Word puzzle*'. Dengan cara itu pelajar akan cuba berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris apabila berada dalam makmal. Semua guru dalam panitia saya bersatu hati menyokong dasar kerajaan dalam pelaksanaan PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris) dengan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Saya sentiasa menampilkan ciri-ciri yang positif seperti rajin, dedikasi dan cekap dalam penyelesaian masalah berkaitan mata pelajaran Sains. Setiap masalah yang dikemukakan oleh pelajar akan cuba diselesaikan dengan cepat dan yakin. Bagi saya, seorang guru itu mesti mempunyai ilmu pengetahuan pada tahap yang melebihi pelajar yang diajarnya supaya mereka dihormati dan usaha memartabatkan profession keguruan menjadi realiti. Pengiktirafan "*Pendidikan bertaraf dunia*" perlu didokong oleh guru yang mempunyai pengetahuan yang luas, pengalaman dan kecekapan menyelesaikan masalah. Saya yakin guru yang berilmu akan sentiasa ditunggu oleh pelajar dengan berbagai masalah yang perlu diselesaikan kerana guru ini dianggap sebagai '*Penyelesai masalah*'.

2.1.2 Pelajar

Penglibatan pelajar dalam bilik darjah ditentukan oleh tingkah laku mereka dan bagaimana guru mengurusnya, emosi pelajar dan semangat kerjasepasukan.

a) Pengurusan tingkah laku murid

Pelajar adalah merupakan pelanggan bagi guru dalam bilik darjah. Oleh itu bila berhadapan dengan pelajar saya perlu bersifat matang dan menerima segala

kemungkinan yang wujud di kalangan pelajar. Saya juga terpaksa menghadapi tingkah laku pelajar yang pelbagai dan kerap kali dipengaruhi oleh tingkah laku kebiasaan keluarga mereka, kawasan sekitar dan kumpulan mereka.

Sebagai seorang guru saya akan bertindak secara terus sesuai dengan kebolehan, bakat dan kemampuan mereka. Pengawalan bilik darjah dengan berkesan adalah amat penting kerana jika keadaan bilik darjah tidak terkawal, P & P tidak akan dapat dijalankan dengan sempurna. Oleh itu saya mesti mengenalpasti pelajar-pelajar yang menimbulkan masalah dan cuba membantu punca permasalahannya.

Bagi pelajar yang menghadapi masalah sahsiah yang serius seperti bersifat agresif dan nakal, saya bertindak tegas dan serius supaya kehadirannya tidak mengganggu pelajar lain. Saya cuba mengawal emosi semasa mengambil tindakan supaya pelajar tidak menaruh dendam dan melawan guru. Bagi saya pelajar begini boleh didekati dengan memberikan tugas yang konkrit dan memerlukan banyak bergerak. Oleh itu dalam aktiviti Sains mereka biasanya ditugaskan mengawalselia Taman Botani dan ikan dalam kolam di makmal sains daripada gangguan pelajar lain. Hasilnya saya dapati mereka ini dapat bertugas dengan baik dan berani melarang pelajar lain daripada merosakkan tumbuhan dan ikan. Mereka ini kurang pandai dan amat bangga jika dihargai dan paling seronok mendekati guru. Seboleh-bolehnya saya akan cuba menangani sendiri masalah yang berlaku dalam kelas saya kerana tindakan adalah lebih adil dan sepadan dengan kesalahan pelajar. Bagi saya jika pelajar melakukan kesalahan dengan melawan guru, biarlah guru tersebut yang menyelesaikan dan jangan melibatkan pihak ketiga sebab pelajar akan hilang keyakinan terhadap guru dan akan berdendam jika hukuman tidak sepadan. Saya sentiasa mengingati kata-kata pelajar saya tahun 2006 apabila ia didapati mencuri ikan di Taman Botani. *'Cikgu, kesalahan saya dengan cikgu, jadi saya minta maaf dengan*

cikgu dan janji akan berubah, saya akan ganti ikan yang telah saya ambil tetapi saya minta cikgu tolong rahsiakan daripada guru-guru lain kerana saya malu. Jika pihak disiplin tahu, sudah pasti saya akan dirotan". Saya telah menerima pengakuan dengan hati terbuka dan masalah saya telah selesai dan pelajar tersebut benar-benar berubah dari segi peribadi dan akademik seterusnya telah berjaya memasuki IPTA.

Bagi pelajar yang cacat atau merasa tersisih perlu didekati dengan cara guru banyak berkomunikasi dengan mereka. Saya akan mendekati pelajar ini dengan bertanya soalan senang yang pasti boleh dijawab. Pelajar begini biasanya pemalu dan takut diketawakan oleh pelajar lain. Seboleh-bolehnya guru membimbing mereka untuk bercakap dan mengeluarkan pendapat. Keaiban mereka tidak boleh langsung dipersendakan oleh rakan-rakan lain.

Bagi pelajar yang mempunyai sahsiah yang seimbang dan prestasi akademik baik, guru hanya perlu memberikan sokongan dan saranan untuk perkembangan pembelajaran mereka. Pelajar ini mampu berdikari, boleh membimbing pelajar lain dan sentiasa berusaha dengan teknik pembelajaran sendiri dan boleh di bimbing untuk lahir dengan 'towering personality'. Dalam P & P harian , saya gunakan pelajar ini untuk membantu rakan-rakannya sebagai 'Pembimbing Rakan Sains' atau 'Guru Muda'.

b) **Emosi pelajar**

Selain dari mengurus tingkah laku pelajar, saya juga terpaksa mengurus emosi pelajar. *Guru yang paling berjaya ialah orang yang mampu menangani perasaan negatif dalam bentuk yang autentik, benar dan sihat* (Ng Kim Choy, 2004).

Menurut Imam Ghazali , guru mesti mempunyai sifat belas kesihan kepada pelajarnya. Anggaphlah pelajar seperti anak sendiri ,diberi kasih sayang sepenuhnya di samping menyampaikan pendidikan (Aminudin Mansur, 2005). Dalam P & P saya menggunakan satu pendekatan iaitu 'Sayangkan pelajar, Tegur mereka dan didik mereka'. Setiap

kelas yang diajar, saya akan cuba memupuk perasaan sayang dengan pelajar dalam kelas tersebut. Ini membolehkan saya mengajar dengan seronok dan pergaulan saya dengan pelajar dalam keadaan mesra tetapi terkawal , tegas disamping hasil pembelajaran tercapai. Impak yang jelas boleh dilihat ialah pelajar lain akan memarahi rakan mereka yang mengganggu kelas P & P saya sebelum saya bersuara. Saya akan cuba mengawal perasaan marah atau benci kepada pelajar bermasalah kerana perasaan ini merupakan penghalang P & P berkesan tetapi sebaliknya saya cuba mengingati dan melihat pelajar yang rajin dan sentiasa ingin belajar. Bagi saya sikap marah ini akan menyebabkan pelajar lain teraniaya. Saya akan berjumpa dengan pelajar bermasalah untuk tangani masalahnya secara bersendirian.

c) Pembentukan kerja sepasukan (Team-building)

Dalam bilik darjah yang dinamik setiap orang ahli organisasi mesti ada sumbangan untuk memastikan pengurusannya berkesan. Jadual tugas kelas mesti berfungsi dan guru perlu menegur pelajar yang tidak mengambil bahagian. Oleh itu perlu wujud persaingan secara sihat bukan sahaja dalam pencapaian akademik tetapi juga untuk membina sudut mata pelajaran. Guru perlu memberi idea kepada pelajar supaya membina sudut mata pelajaran yang paling cantik dan bermaklumat. Penghargaan dalam bentuk hadiah dan sijil akan diberikan kepada pelajar yang boleh membina sudut mata pelajaran yang paling ceria dan bermaklumat.

Selain itu kerja-kerja pelajar yang menarik mesti dipamerkan di papan kenyataan kerana ini adalah satu motivasi buat mereka. Untuk mata pelajaran Sains saya sentiasa mempamerkan kerja pelajar dalam makmal dan papan kenyataan sains. Pelajar merasakan ini adalah satu penghargaan yang tidak ternilai kerana mereka telah terpilih daripada 700 orang pelajar. Dengan ini pelajar sentiasa menyediakan bahan terbaru untuk dihantar kepada guru Sains. Antara yang menarik minat pelajar ialah program " 20 vocabularies per week" dan V- Champion. Kedua-dua program ini

memerlukan pelajar mendapatkan perkataan Bahasa Inggeris yang baru untuk ditampal di papan kenyataan Sains. Dengan cara ini pelajar akan menggunakan kamus untuk mencari perkataan baru yang tidak pernah didengarnya. Sasaran guru pada akhir Tingkatan lima pelajar akan tahu sekurang-kurang 1200 perkataan Bahasa Inggeris.

2.2 PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P & P)

Proses yang berlaku dalam bilik darjah adalah merupakan faktor penting yang menghidupkan suasana dalam kelas tersebut samada dinamik atau statik dan seterusnya menentukan keberkesanan P & P. Saya akan membincangkan proses P & P dari tujuh aspek yang saya anggap berkait secara langsung dalam menghidupkan bilik darjah yang dinamik:

- 2.2.1 Perancangan P & P
- 2.2.2 Set Induksi
- 2.2.3 Teknik P & P
- 2.2.4 Teknik menyoal
- 2.2.5 Penggunaan Bahan bantu belajar
- 2.2.6 Interaksi
- 2.2.7 Komunikasi

2.2.1 Perancangan P & P

Bagi memastikan bilik darjah sentiasa aktif seorang guru mestilah membuat perancangan sebelum memulakan proses P & P. Seseorang guru perlu mengenalpasti tahap keupayaan pelajar, hasil pembelajaran yang hendak dicapai, bahan bantu belajar yang akan digunakan, strategi atau kaedah yang hendak diguna, isi pelajaran sesuai dengan masa dan cara menilai/ menguji.

Semasa P & P saya menggunakan carta alir P & P, mengetahui reaksi dan tindakbalas pelajar, kaedah atau pendekatan yang paling sesuai, cekap mengendalikan bahan bantu mengajar dan mempunyai kemahiran dalam menyoal. Dalam pengajaran mata pelajaran Sains, saya perlu membuat persediaan terutamanya jika hendak menjalankan eksperimen. Sebelum sesuatu eksperimen itu dilakukan oleh pelajar, saya sudah mengkaji kelemahan atau ralat yang bakal berlaku dalam eksperimen tersebut dan juga masalah yang akan timbul serta cara penyelesaiannya, Misalnya dalam eksperimen yang melibatkan pemanasan Plumbum (II) bromida, saya mesti mengambil langkah keselamatan akibat pembebasan gas bromin yang beracun. Oleh itu eksperimen ini saya lakukan secara demonstrasi dalam kebuk wasap . Jika terdapat ralat dan eksperimen gagal, saya akan menyediakan alternatif lain iaitu menayangkan video pemanasan Plumbum(II) bromida. Saya menggunakan satu pendekatan iaitu walau dengan apa cara sekalipun pelajar mesti belajar dan mendapat kemahiran seterusnya objektif P & P tercapai.


2.2.2 Set Induksi

Set induksi merupakan satu proses untuk menarik perhatian dan minat pelajar untuk memulakan proses P & P. Kemahiran menyediakan set induksi membolehkan guru mengubah perhatian pelajar kepada P & P yang akan dilaksanakan. Apabila pelajar menumpukan perhatian, pelajaran yang sebenarnya boleh dimulakan dalam suasana seronok dan gembira. Antara set induksi yang biasa saya gunakan ialah segmen motivasi berkomputer dan menggunakan gambar yang pelik tetapi berkaitan dengan isi pelajaran yang akan diajar. Contohnya menunjukkan gambar 'mat rempit' yang mengalami kemalangan akibat tercampak dari motorsikalnya untuk menunjukkan kesan inersia dan memberikan nasihat. Dengan ini pelajar diperkenalkan dengan konsep Sains secara kontekstual dan menyebabkan mereka berminat untuk

menontonnya. Selain itu pelajar juga mendapat motivasi dan menukar suasana kelas kepada lebih ceria.

2.2.3 Teknik Pengajaran dan Pembelajaran

Bagi mengalakkan pelajar mengambil bahagian yang aktif, aktiviti pengajaran yang sesuai adalah berpusatkan pelajar seperti penggunaan simulasi, eksperimen, projek, lakonan, bengkel, kerja lapangan, perbincangan, pembelajaran koperatif, penggunaan 'Guided Learning Approach' (GLA), inkuiri penemuan dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Dalam pelaksanaan P & P Sains saya menggunakan kurikulum semak semula Sains yang disusun oleh Pusat Perkembangan Kurikulum yang menekankan Pembelajaran berfikir di mana proses P & P menggunakan pendekatan pembelajaran secara inkuiri, konstruktivism, kontekstual dan masteri. Melalui kaedah ini penguasaan pengetahuan, kemahiran serta sikap saintifik dan nilai murni dapat diterapkan bagi melahirkan modal insan yang bersifat holistik dan mempunyai minda kelas pertama. Rajah 2 menunjukkan konsep Pembelajaran Berfikir.



Rajah 2

Bagi P & P tajuk saduran elektrik saya menggunakan kaedah kontekstual semasa set induksi dengan mempamerkan beberapa barang kemas logam yang disadur dengan logam kromium, kemudian terus mengaitkan dengan pengetahuan tentang konsep saduran elektrik. Melalui kaedah inkuiri pula pelajar menggunakan semua kemahiran kognitifnya untuk mendapatkan maklumat secara 'hands-on' dengan menjalankan eksperimen penyaduran elektrik secara berkumpulan. Seterusnya melalui

perbincangan dan perkongsian kolaboratif pelajar menyusun maklumat, menyimpan dalam ingatan seterusnya membentuk satu konsep saduran elektrik yang dapat diaplikasikan dalam situasi lain .

Secara keseluruhan P & P yang saya laksanakan menggunakan kaedah pembelajaran masteri di mana pelajar mesti menguasai konsep elektrolisis sebelum memasuki tajuk saduran elektrik. Selepas selesai proses P & P saya mengadakan penilaian untuk mendapatkan impak dan seterusnya menjalankan proses pemulihan dan pengayaan menggunakan dua set soalan yang berbeza aras kesukarannya.

Teknik P & P yang saya laksanakan adalah bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran sains dan teknologi bagi membolehkan mereka menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam kehidupan seharian berlandaskan sikap saintifik dan nilai murni seperti jujur dalam merekod data, teliti, bertanggung jawab, bekerjasama dan sebagainya. Ini menepati piawai pendidikan berkualiti dan melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi. Saya yakin teknik yang telah digunakan memberikan impak yang amat baik . Ini terbukti apabila mata pelajaran sains telah mencatat Gred Purata yang paling tinggi dalam peperiksaan SPM berbanding dengan lain-lain mata pelajaran teras tiga tahun berturut-turut seperti ditunjukkan dalam jadual 1.

	B.Melayu	B.Inggeris	Sains	PAI	Matematik	Sejarah
2004	5.31	8.2	4.33	5.57	7.0	6.5
2005	5.4	8	5.06	5.45	7.11	6.43
2006	5.9	7.91	5.00	5.79	7.47	7.89

Jadual 1

Penggunaan humor (jenaka) dalam P & P juga boleh membantu meningkatkan pembelajaran dan lebih berkesan sekiranya berkaitan dengan topik yang diajar. Dengan kata lain humor sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar dan tidak memesongkan pemikiran pelajar daripada kandungan subjek. Dalam P & P harian

saya menggunakan ilustrasi kartun yang dikumpul daripada akhbar atau majalah, gambar motivasi, keratan akhbar isu semasa dan cerita lucu yang diambil daripada internet kerana saya dapati dengan cara ini pelajar akan ketawa dan segar serta dapat menghilangkan rasa bosan seterusnya menukarkan suasana kelas yang pasif kepada lebih aktif.

Pada pendapat saya, sebelum seseorang guru itu menjadikan pelajar aktif dan seronok, guru perlu melatih diri mereka supaya seronok dan ceria berada dalam bilik darjah. Untuk itu guru perlu peka dengan teknik pengajaran yang sering digunakan dalam P & P. Jika didapati teknik itu kurang berkesan, ubah kepada teknik baru. Dengan cara begini guru tidak akan menjadi bosan dan sentiasa bersemangat untuk melihat hasil pengajarannya. Pada peringkat awal pelaksanaan PPSMI di Tingkatan 4, saya dapati ada pelajar dari kelas saya yang ponteng dan tidur semasa P & P. Oleh itu saya telah mengubah teknik menggunakan Modul GLA (Guided Learning Approach) yang saya bina sendiri sesuai dengan tahap pencapaian pelajar yang saya ajar. Sekarang ini saya tidak menghadapi masalah ponteng semasa P & P dan pelajar juga tidak tidur kerana seronok berada dalam kelas dan mengambil bahagian dalam proses P & P

2.2.4 Teknik menyoal

Penyoalan dapat mencetuskan minat pelajar untuk belajar dan menumpukan perhatian terhadap konsep yang diajar oleh guru. Minda dan daya pemikiran pelajar akan dapat dikembangkan apabila guru mengemukakan soalan. *Guru juga perlu mempunyai pengetahuan yang luas agar respons yang diberi oleh pelajar diberi penilaian dengan tepat dan cepat* (Omardin Ashaari, 1999). Saya bersetuju dengan pendirian ini kerana keyakinan pelajar akan hilang jika didapati guru memberikan jawapan yang tidak betul. Kemahiran mengemukakan soalan juga penting untuk menggalakkan pemikiran yang lebih kreatif dan kritis di kalangan pelajar. Soalan

bentuk mencapah (divergen) dan terbuka adalah lebih sesuai untuk meningkatkan dan mengembangkan pemikiran pelajar.

Costa dan Marzano (1987) menyarankan penggunaan bahasa penjelasan (Clarifying language) dalam bilik darjah boleh menggalakkan pemikiran pelajar pada tahap yang lebih tinggi dan berterusan. Contohnya:

- Guru menggunakan terminologi kognitif yang spesifik seperti *"Marilah kita bandingkan antara Proses A dan Proses B"*.
- Mengemukakan soalan-soalan yang kritis seperti *"Pada pendapat kamu apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan pencemaran air?"*

Cara seorang guru mendengar dan memberikan respons kepada jawapan amat mempengaruhi emosi pelajar. Saya sentiasa menghargai pendapat – pendapat yang berlainan dari pelajar dan memberikan pertimbangan yang adil. Saya sering menggunakan kata-kata sokongan seperti :

- *"Bagus, jawapan anda baik dan kalau boleh kita susun dengan ayat begini....."*
- *"Walaupun jawapan anda kurang tepat tetapi terima kasih kerana mencuba"*
- *"Setelah saya mendengar pendapat beberapa orang pelajar tadi saya boleh membuat kesimpulan iaitu....."*

Selain itu saya sentiasa berfikir untuk mengemukakan soalan-soalan yang memerlukan respons terbuka dan mencabar minda pelajar bagi merangsang suasana P & P dalam bilik darjah. Respons dari guru seboleh-bolehnya tidak nampak seperti menyebelahi mana-mana pelajar. Dengan cara ini semua pelajar walaupun pelajar lemah akan cuba memberikan pendapat dan menjadikan bilik darjah lebih aktif. Contoh: Soalan : *Apakah yang anda faham tentang dadah?* (soalan divergen)

Pelajar pandai : *Dadah ialah bahan kimia yang mengkhayalkan*

Pelajar lemah : *Dadah ialah bahan beracun yang menyebabkan badan jadi kurus.*

Contoh Jawapan guru : *Dadah ialah bahan kimia yang boleh mengubah fungsi normal badan dan mental dan akhirnya penagih dadah berubah dari segi fizikal menjadi kurus.*

Oleh itu kedua-dua jawapan pelajar saling melengkapi satu sama lain.

2.2.5 Penggunaan Bahan Bantu Belajar

Bahan bantu belajar yang dipilih oleh guru sekurang-kurangnya mestilah merupakan bahan yang terbaru yang menarik dan diminati pelajar, dapat membantu mempercepatkan P & P dan relevan dengan isi pengajaran

Selain itu pelajar akan seronok belajar jika guru menunjukkan bahan bantu belajar yang menarik seperti simulasi berkomputer, gambar animasi, model yang menarik, bahan atau gambar yang diakses daripada Internet. Saya menggunakan animasi komputer yang berlatar belakang muzik perlahan berjaya menarik minat pelajar. Kajian Tindakan yang telah saya dijalankan terhadap 20 orang pelajar Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa dalam kemahiran melukis rajah sinar. Dua kaedah yang telah digunakan iaitu kaedah konvensional dan kaedah P & P menggunakan integrasi komputer. Hasil kajian mendapati purata markah pelajar yang diajar secara konvensional ialah 48 manakala yang diajar menggunakan simulasi komputer ialah 67 iaitu menunjukkan perbezaan purata markah sebanyak 19 markah. Berdasarkan data yang diperolehi jelas menunjukkan pengajaran menggunakan kaedah persembahan animasi komputer boleh meningkatkan kemahiran pelajar untuk melukis rajah sinar dibandingkan dengan kaedah chalk and talk. Selain itu animasi komputer juga boleh digunakan secara berulang kali terutamanya semasa sesi ulangkaji.

Kaedah P & P secara konvensional dikatakan memihak kepada pelajar perempuan dan ini telah terbukti dengan kejayaan pelajar perempuan dalam setiap peperiksaan mengatasi pelajar lelaki. Sabaruddin Ahmad,(2006) menyatakan kajian dari The Gurian Institute mendapati otak pelajar lelaki lebih mudah berubah ke dalam keadaan rehat atau hilang tumpuan berbanding pelajar perempuan. Bagi mengatasi

masalah ini saya banyak menggunakan teknik 'hands-on' atau mempraktikkan apa yang dipelajarinya secara konkrit. Oleh itu guru perlu banyak menggunakan alat bantu mengajar seperti komputer, video, cakera padat, lawatan, kerja lapangan atau apa-apa sahaja teknologi sesuai untuk perkembangan minda pelajar. Misalnya dalam pengajaran Prinsip Bernoulli, pelajar dibawa melawat ke lapangan terbang untuk melihat bilik kawalannya dan simulator yang jelas dapat mengaitkan kegunaan Prinsip Bernoulli dengan pesawat terbang. Prinsip keabadian momentum boleh dilihat dengan jelas pada proses pelancaran roket yang boleh didapati melalui internet.

Bahan bantu belajar yang digunakan guru sepatutnya yang terbaru dan seboleh-bolehnya pelajar belum melihatnya sebelum P & P tersebut. Dalam keadaan sekarang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) banyak membantu kerana guru boleh menyediakan atau mendapatkan berbagai bahan P & P terbaru dan mengubahnya untuk disesuaikan dengan nilai dan minda pelajar. Dalam pengajaran Sains saya mendapati ICT banyak membantu dalam proses membuat eksperimen. Sebelum ini setiap eksperimen yang dibuat oleh guru dan pelajar hanya boleh dilakukan dalam makmal sahaja dan tidak boleh diulang kerana kekangan masa. Oleh itu semasa sesi ulangkaji guru hanya mengarahkan pelajaranya mengingati semula tentang eksperimen tersebut. Dengan bantuan ICT, kaedah menjalankan eksperimen dan hasil kajian dirakam dengan menggunakan kamera digital dan disimpan untuk sesi ulangkaji. Dengan cara begini proses menjalankan eksperimen dan hasilnya boleh dilihat secara visual berulang kali. Selain itu bagi eksperimen yang sukar untuk dilakukan dalam makmal kerana terlalu banyak ralat, saya mengambil tindakan mempamerkan animasi komputer untuk eksperimen yang dilakukan dalam keadaan tanpa ralat dan menghasilkan keputusan yang lebih jitu. Misalnya bagi eksperimen prinsip Archimedes, nilai daya tujah sama dengan perbezaan berat objek dalam air dan udara dapat ditunjukkan dengan tepat. Saya dapati kaedah ini sangat membantu

kerana pelajar boleh memahami sesuatu konsep melalui pembelajaran secara konkrit. Kajian oleh Computer Technology Research (1993) mendapati pelajar dapat menyimpan 80% maklumat apabila mereka membuat, mendengar dan melihat.


Bahan bantu yang digunakan mesti relevan dengan isi pengajaran kerana jika tidak ianya melambatkan proses P & P. Pelajar yang aktif sentiasa bertanya guru tentang apa-apa sahaja alat yang mereka lihat dan jika alat yang digunakan itu tidak berkaitan dengan perancangan P & P harian maka seorang guru perlu menerangkan kepada pelajar satu konsep baru. Jika ini berlaku maka P & P pada hari itu tidak akan mencapai objektifnya. Oleh itu bagi saya perancangan dalam penggunaan bahan bantu pelajar mestilah dibuat lebih awal dan teliti.

2.2.6 Interaksi dalam bilik darjah

Interaksi dalam bilik darjah adalah merujuk kepada proses saling bertindak dan saling mempengaruhi di antara guru dengan murid . Salah satu dari interaksi pelbagai hala di antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar dalam bilik darjah ialah seperti dalam Rajah 3.

Interaksi begini sesuai bagi aktiviti P & P bercorak aktif di mana setiap pelajar memainkan peranan. Dengan cara ini hubungan antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar menjadi lebih erat dan potensi pelajar dicungkil secara optimum.

(Mok Soon Ang, 2003)



Rajah 3

Interaksi begini saya gunakan semasa proses P & P supaya melibatkan semua pelajar disamping isi pengajaran dapat disampaikan dengan efektif. Dalam interaksi begini saya akan menghidupkan suasana supaya cergas dengan mengadakan aktiviti perbincangan, penyelesaian masalah dan aktiviti pengayaan serta pemulihan.

2.2.7 **Komunikasi**

Komunikasi ialah proses bagaimana guru berkongsi pengalaman dengan pelajar-pelajarnya, dan begitu sebaliknya (Abdullah & Aion, 2000), manakala Robiah Sidin (1998) menyatakan guru yang baik dan berkesan ialah guru yang berjaya menimbulkan suasana bilik darjah yang terbuka dan aktif kerana guru bertindak sebagai penggalak atau perangsang bagi pelajar. Bagi mewujudkan suasana iklim komunikasi yang positif saya menggunakan perkataan yang baik dan tidak memandang remeh kepada masalah yang dianggap serius oleh pelajar.

Selain itu guru perlu sentiasa memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pelajar yang memberikan pendapat atau memberikan jawapan yang betul. Kata-kata pujian amat perlu untuk membangkitkan semangat dan memberikan motivasi kepada pelajar. Penghargaan guru perlu disebut bersama nama pelajar seperti " *Bagus Azim, saya suka dengan jawapan anda.*" Seorang guru yang baik akan sentiasa cuba mengingat nama pelajar dan menyebutnya supaya pelajar tidak terasa dipinggirkan.

Saya juga menggunakan nada suara yang lantang dengan nada yang berbeza mengikut isi pengajaran. Jika isi pengajaran dianggap penting, nada suara perlu ditinggikan dan diulang beberapa kali. Dengan cara ini pelajar akan dapat membezakan antara fakta penting dan yang kurang penting.

Apabila seseorang guru berkomunikasi, dia bukan sahaja mencari perkataan yang tepat untuk menyampaikan makna tetapi boleh menggabungkan elemen-elemen lain seperti intonasi, pertembungan mata (eye-contact) dan komunikasi bukan lisan bagi memberikan kesan maksimum terhadap P & P (Kauffman, Mostert, Tent & Hallahan, 1998 seperti dipetik oleh Khairul Azam Bahari, 2007). Komunikasi yang berlangsung dalam bilik darjah berlaku sepanjang masa. Guru yang mahir berkomunikasi akan menjadikan bilik darjah aktif, tidak membosankan, menarik minat

pelajar untuk bertanya, menjawab soalan dengan sukarela dan memberikan pendapat secara terbuka.

2.3 PERSEKITARAN FIZIKAL

Bilik darjah mesti mempunyai semua kemudahan asas seperti papan hitam papan kenyataan, ruang yang selesa, meja dan kerusi untuk guru dan pelajar serta almari. Bilik darjah perlu dibekalkan dengan kipas angin dan kemudahan elektrik serta pintu dan tingkap sesuai dengan bilangan pelajar yang berada dalam kelas tersebut. Tingkap bilik darjah perlu dibuka bagi mendapat udara bersih yang mencukupi dan suasana yang nyaman supaya pelajar tidak mengantuk dan mengganggu proses P & P. Susunan meja dalam keadaan kelompok yang berhadapan antara satu sama lain adalah lebih sesuai seperti dalam bentuk bulatan atau separuh bulatan. Susunan begini menggalakkan pelajar untuk berinteraksi dengan semua kawan dalam kumpulan tanpa bergerak dari tempat duduk mereka.

Kebersihan dan keselesaan bilik darjah menunjukkan suasana emosi yang sihat dan bersemangat untuk belajar. Bilik darjah yang dihiasi dan diatur kemas dengan pelbagai carta, gambar dan alat bantu mengajar dapat melahirkan suasana yang baik serta membantu pelajar menerima ilmu. Papan kenyataan kelas perlu dilengkapi dengan jadual waktu, jadual bertugas dan carta organisasi, kata-kata motivasi, sudut mata pelajaran, sudut bacaan dan alamat laman web pendidikan. Bilik darjah dijadikan sebagai sumber maklumat sepatutnya dilengkapi dengan komputer dan LCD yang boleh digunakan oleh pelajar untuk mengembangkan potensi mereka ke arah pembentukan modal insan berkualiti. Mok Soon Ang (2003) menyatakan *iklim bilik darjah yang positif dan terbuka akan menggalakkan pelajar berinteraksi dengan bebas dan melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti dalam bilik darjah dan guru menjalankan tugas dengan tenteram dan penuh tanggungjawab*. Iklim kelas meliputi aspek organisasi kelas, pengawalan pelajar, komunikasi, motivasi dan sikap pelajar. Iklim

yang negatif wujud akibat pelajar terlalu ramai, tingkah laku pelajar bermasalah dan suasana bising boleh mengganggu P & P.

3.0 PENUTUP

Melalui kajian dan pembacaan serta pengalaman sebagai seorang pendidik saya membuat kesimpulan iaitu pengurusan bilik darjah yang dinamik banyak bergantung kepada guru yang mengajar di dalam bilik darjah tersebut. Guru yang mempunyai peribadi mulia, profesionalisme tinggi dan dedikasi adalah merupakan penggerak dalam proses P & P yang aktif. Perancangan sebelum P & P perlu dibuat dengan teliti supaya teknik P & P yang digunakan lebih berpusatkan pelajar dan menggunakan kaedah inkuiri. Saya yakin kebanyakan masalah disiplin dalam bilik darjah dapat dikurangkan jika semua guru bersedia menghadapi pelajar dengan ikhlas dan bersedia untuk membantu mereka dengan harapan mereka akan berubah menjadi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Saya yakin konsep bilik darjah yang dinamik seperti ditunjukkan oleh Model Bilik Darjah Penjana adalah amat tepat dan berkesan terutama dalam menangani masalah pelajar hari ini. Pelaksanaan P & P mesti dilaksanakan mengikut tujuh aspek yang di kemukakan supaya semua piawai Petunjuk Prestasi untuk P & P berkesan akan dicapai. Bagi saya seorang guru yang berketrampilan, benar-benar dedikasi, berilmu, cekap dalam menangani masalah pelajar serta mendapat kepercayaan pelajar sahaja yang berupaya mengubah tingkah laku mereka ke arah yang baik. Persekitaran fizikal bilik darjah juga berperanan sebagai pemangkin untuk P& P berkesan dan seterusnya melahirkan modal insan berkualiti yang menjadi aset berharga kepada negara yang mampu bersaing di pasaran global sebagai rakyat yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. InsyaAllah!

Rujukan:

1. Aminudin Mansur, 2005. *Bersatu Memertabatkan Profesion Keguruan*. Pendidik Bil. 32 Januari 2007, Widad Publication Sdn. Bhd.
2. Abdullah Sani Yahaya, 2003. *Mengurus Sekolah*. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
3. Ainon Mohamad & Abdullah Hasaan, 2000. *Kemahiran Interpersonal untuk Guru*, PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
4. Costa , A.L, 1987 *Teaching the Language of Thinking, Educational Leadership,*
5. Hj. Shamsudin bin Md. Noor, 2006. *Artikel Pengurusan Bilik darjah Dinamik ke arah Pembinaan Modal Insan Berkualiti,*
6. Khairul Azam Bahari, 2006. *Amalan Komunikasi Guru- Murid Dalam Bilik Darjah ; Satu kajian Kes*
7. Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006 . *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
8. Leonard M.S. Yong & Karen L.Biraimah, 1996. *Guru Yang Kreatif : Isu-isu Teoritikal & Aplikasi Praktikal*, Arenabuku Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
9. Mok Soon Ang , 2003. *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Komponen 1 & 2) Sekolah Rendah Psikologi Pendidikan & Pedagogi*, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
10. Mohammad Shatar Sabran, Jasni Sabri & Azali Mohamed, 2006. *Tip Pendidik Cemerlang*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
11. Ng Kim Choy, 2000. *Artikel EQ dalam Bilik Darjah*. <http://www.teachersrock.net>.
12. Omardian Ashaari, 1999 . *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif , Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur,*
13. Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001. *Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah* .
14. RobiahSidin, 2006. *Classroom Management* , Fajar Bakti Sdn. Bhd. KL
15. Shaharudin Ahmad, 2006 *Benarkah kurikulum pendidikan kita tidak mesra lelaki?*. Majallah Pendidik Bulan April 2006, Widad Publication Sdn. Bhd.
16. Wan Paridah Wan Mohamad, 2006. *Meningkatkan Kemahiran Teknik Melukis Rajah Sinar Dengan Menggunakan Persembahan Animasi Power Point: Kajian Tindakan*
17. Yaakub Isa, 1994. *Guru Yang Efektif*, Jawatankuasa Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Pahang

